

30/03/1998

Tidak cabul hak asasi (HL)

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia tidak melanggar undang-undang hak asasi manusia dalam proses penghantaran pendatang tanpa izin pulang ke Indonesia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, apa yang kerajaan lakukan hanya menghantar pulang pendatang berkenaan dan pihak berkuasa yang terbabit dalam operasi itu tidak melanggar sebarang peraturan hak asasi ketika melaksanakan tugas mereka.

"Tidak ada pelanggaran (hak asasi manusia). Apa yang kita buat hanyalah menghantar pulang pendatang tanpa izin... kita tidak boleh menampung mereka selama-lamanya," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini petang ini.

Beliau mengulas laporan media asing yang mendakwa Malaysia mencabuli undang-undang antarabangsa apabila menghantar pulang pendatang tanpa izin Indonesia, terutamanya dari Aceh, yang dikatakan mencari perlindungan politik di Malaysia.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden Indonesia, BJ Habibie di Seri Perdana.

Laporan AFP memetik agensi berita Antara yang menyebut Menteri Kehakiman Indonesia, Muladi, menganggap kematian lapan rakyat Indonesia dalam rusuhan di kem Semenyih, Khamis lalu sebagai satu pelanggaran hak asasi manusia.

Diminta mengulas kenyataan menteri berkenaan, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu ... dia (Habibie) tak tanya. Kalau dia beritahu kepada saya, kita akan memberi komen."

Ketika ditanya sama ada beliau membincangkan dengan Habibie mengenai kemungkinan Malaysia dan Indonesia menanggung bersama kos menghantar pulang pendatang tanpa izin Indonesia, Dr Mahathir berkata: "Tidak, beliau tidak memberitahu saya apa-apa pun mengenai perkara ini ... dia hint (kias) lain, dia cadang lain."

Semalam, Habibie berkata kerajaan Indonesia bersedia membayar 50 peratus daripada perbelanjaan yang ditanggung Malaysia dalam menjaga pendatang tanpa izin Indonesia.

Ketika ditanya sama ada selama ini Malaysia terpaksa menanggung kos itu, Dr Mahathir berkata: "Apa yang saya tahu, saya mungkin silap, kita yang kena belanja, dia guna kapal dia."

Difahamkan sejak Januari lalu, kira-kira 6,800 pendatang tanpa izin Indonesia sudah dihantar pulang ke negara asal mereka, dengan matlamat untuk menghantar 10,000 orang menjelang akhir bulan ini.

Terdahulu, ketika bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan Habibie, Dr Mahathir berkata Indonesia bersetuju supaya pendatang asing tanpa izin dari negara itu, dihantar balik ke Indonesia.

"Kita sudah mendapat persetujuan daripada pemerintah Indonesia supaya kita menghantar balik (pendatang yang ditahan di depot tahanan sementara)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan seorang wartawan Indonesia mengenai penyelesaian terbaik yang dipersetujui oleh kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata, beliau sedih kerana berlakunya rusuhan di Depot Tahanan Sementara Imigresen di Semenyih Khamis lalu yang mengakibatkan seorang anggota polis Malaysia terbunuh dalam usaha meleraikan rusuhan

itu.

"Kita harap perkara semacam ini tidak berlaku lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia dan Indonesia menghadapi masalah yang sama, justeru kedua-dua negara harus saling memahami pendirian dan analisis yang dibuat.

"Jika ada cara atau pendekatan untuk mengatasi masalah ini haruslah kita buat bersama," katanya.

Perdana Menteri berkata, pertemuan beliau dengan Habibie itu juga bertujuan mendapatkan maklum balas mengenai keadaan terkini di Indonesia dan menentukan pendirian Malaysia dan Indonesia bagi menghadapi Mesyuarat Asia-Eropah Kedua (Asem 2) di London, minggu depan.

"Kita harus tahu di mana kita boleh bekerjasama atau sokong menyokong. Kita boleh terangkan masalah yang dihadapi kita secara bersama.

"Jadi inilah sebabnya mengapa saya berjumpa dengan dia. Lagipun dia berhajat untuk berjumpa saya," katanya sambil melahirkan harapan supaya satu ketetapan bersama mengenai ekonomi akan diwujudkan dalam Asem 2 nanti.

(END)